

GELAGAT KEPATUHAN ZAKAT PERNIAGAAN: SATU CADANGAN KAJIAN

Ram Al Jaffri Saad

Fakulti Perakaunan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah;

E-mel: ram@uum.edu.my; **Tel:** 049283735/0134476374, **Faks:** 049285762

Tahap Pengajian : Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia,

Pembayaran zakat adalah diwajibkan ke atas semua umat Islam yang layak. Zakat merupakan satu daripada rukun Islam. Sejarah telah membuktikan betapa pentingnya zakat sebagai sumber kekuatan ekonomi umat Islam. Pada zaman Khalifah Abu Bakar misalnya, beliau telah memerangi orang-orang yang mengingkari perintah membayar zakat. Ini membuktikan betapa pentingnya zakat kepada pembangunan ummah dan menjadi lambang keadilan ekonomi Islam. Ini juga sejajar dengan prinsip pembayaran dan pengagihan zakat yang menjamin pengagihan kekayaan secara sama rata, adil dan amanah. Selain keadilan ekonomi, zakat juga dilihat sebagai ibadat yang memberikan manfaat kepada manusia bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.

Namun, di sebalik semua ini, wujud persoalan penting bagaimana zakat boleh berperanan untuk menjana ekonomi ummat Islam sedangkan kutipan zakat masih lagi rendah dan masih ramai pihak yang tidak menunaikan tanggungjawab untuk membayar zakat. Sebagai contoh, kajian Kamil (2002) dan Kamil, Chek dan Engku Ismail (1997) menunjukkan hanya 35% sahaja pekerja Islam membayar zakat gaji. Dalam konteks zakat perniagaan pula, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, sebanyak 80% syarikat bumiputera Muslim tidak mengeluarkan zakat. Ini menunjukkan bahawa hanya 20% sahaja syarikat perniagaan milik Melayu Islam yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menunaikan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat.

Oleh itu, adalah wajar kajian dilakukan bagi merungkaikan setiap persoalan berhubung dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan yang rendah. Kajian mengenai gelagat kepatuhan zakat perniagaan wajar ditumpukan kepada niat pembuat keputusan. Ini kerana keputusan sama ada untuk membayar atau tidak membayar zakat adalah ditentukan oleh niat pengusaha perniagaan. Peranan niat terhadap gelagat ada diterangkan oleh Teori Gelagat Terancang (TPB). Sejalan dengan itu, kertas kerja ini akan membina kerangka model bagi gelagat kepatuhan pengusaha-pengusaha perniagaan terhadap zakat perniagaan berdasarkan TPB.